

31/08/2002

Ahli sukan gagah hadapi saingan

Halmi Samad

EMPAT puluh lima tahun selepas merdeka, ahli sukan adalah sekelumit daripada anak Malaysia yang berjaya mengikis rasa dikongkong atau dihimpit gentar untuk menyaingi lawan dari Barat.

Dalam erti kata yang ringkas, jiwa mereka sudah bebas daripada minda dan cengkaman penjajahan.

Justeru, tidak hairanlah kalau ahli sukan Malaysia kini sudah mampu untuk melakar kejayaan demi kejayaan yang tidak pernah terbayang dalam kotak pemikiran warga negara ini sebelum ini. Contoh terbaik sudah pun diperagakan oleh Alex Lim yang mengucup pingat perak dan gangsa dalam acara renang 50 dan 100 meter kuak lentang di Sukan Komanwel di Manchester bulan lalu. Beberapa tahun lalu sukar untuk mempercayai hakikat ini!

Paling menarik, terlalu sukar mempercayai anak watan Malaysia akan menjulang tiga pingat emas di Sukan Komanwel, tetapi anak jati Kampung Sepakat, Rompin, Pahang, Amirul Hamizan Ibrahim membuktikan 'si cili api' yang pernah dijajah oleh British boleh menggegarkan dunia.

Kejayaan ahli sukan Malaysia sebenarnya bukan setakat dalam Sukan Komanwel, tetapi kombinasi beregu badminton, Cheah Soon Kit dan Yap Kim Hock pernah menuai pingat perak di Sukan Olimpik 1996 di Atlanta, Amerika Syarikat. Empat tahun sebelum itu, pasangan adik-beradik, Razif dan Jalani Sidek melakar sejarah muncul atlit sukan pertama membawa pulang kilauan gangsa di Sukan Olimpik 1992 di Barcelona, Sepanyol.

Dalam erti kata yang mudah, ahli sukan Malaysia kini tidak lagi boleh diperkotak-katikan dan mudah cair dalam tekanan beraksi menentang pesaing bergelar 'Mat Salleh' apabila bertanding di peringkat antarabangsa.

Amirul Hamizan yang mengucup emas dalam kategori 56 kilogram clean & jerk, snatch dan keseluruhan mengakui darah Datuk Bahaman dan Tok Janggut - dua pahlawan tersohor Pahang menghembus semangat jitunya ketika mahu mengangkat bebanan besi di Manchester.

"Saya seakan-akan terdengar bisikan orang Inggeris 'ah, peserta dari Malaysia. Kita pernah menjajah Malaysia'. Semangat saya serta-merta memuncak selepas mendengar kata-kata sebegini. Saya rasa Malaysia perlu dihormati sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat," kata Amirul Hamizan sambil mengharapakan keperkasannya akan berterusan di Sukan Asia Oktober ini.

Bagi Nor Effandy Rosli - pelumba basikal tunggal Malaysia yang meraih pingat perak acara lepas beramai-ramai Sukan Komanwel 1998 (Kuala Lumpur '98) yang diadakan di Shah Alam empat tahun lalu pasti mengimbau kenangan manis.

"Saya adalah sebahagian daripada anak Malaysia yang berjiwa patriotik. Saban tahun, saya sentiasa membawa anak dan isteri saya melihat perarakan kemerdekaan. Saya sentiasa berbangga apabila nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disebut-sebut sebagai pemimpin unggul dunia ketiga.

"Bagi saya, Dr Mahathir adalah pejuang tulen Malaysia yang sentiasa cuba untuk mengangkat maruah negara sebagai negara merdeka.

"Jadi, apabila saya dengar pelumba dari Australia menegaskan mereka akan menguasai acara ini (lepas beramai-ramai), saya marah dengan kenyataan seperti itu. Saya anggap mereka cuba perlekehkan keupayaan pelumba Malaysia. Mereka kemudian cukup terperanjat apabila saya menduduki tempat kedua sedangkan ada ramai nama besar seperti Neil Stephens, Robert Hunter, Stuart O'Grady, Graeme Miller dan Eric Wohlberg turut berlumba ketika itu.

"Paling menarik, Wohlberg memaki saya kerana enggan beri laluan kepadanya pada garisan penamat. Inilah kepuasan terbesar yang pernah saya alami. Bukan mudah untuk mendapat pingat perak acara lepas beramai-ramai kerana pelumba Australia, England, Afrika Selatan dan Kanada cukup handal serta sentiasa berlumba di Tour de France.

"Saya puas kerana berjaya kalahkan pelumba Barat," kata Nor Effandy yang berharap akan disenaraikan dalam acara lepas beramai-ramai di Sukan Asia Busan Oktober ini biarpun usianya menjangkau 35 tahun. "Saya percaya kita boleh meraih pingat. Insyaallah."

Penjaga gol Selangor, Azmin Azram Aziz pula mempunyai pandangan tersendiri apabila ditanya mengenai sambutan hari kemerdekaan.

Baginya, kemerdekaan dan semangat mahu mengharumkan nama negara cukup sinonim dalam kamus perjuangannya.

"Kerana itulah saya langsung tidak gentar apabila berdepan kombinasi 3R (Ronaldo, Rivaldo dan Ronaldinho) apabila menentang Brazil di Stadium Nasional Bukit Jalil Mei lalu. Itu belum ambil kira nama 1R lagi (Roberto Carlos).

"Ramai yang sangkakan saya akan dibolosi berpuluh gol mudah tetapi anda semua dapat saksikan betapa saya berjaya menampun beberapa percubaan cantik Ronaldo, Rivaldo dan Ronaldinho. Selepas itu ramai yang bertanya apa rahsia saya. Saya cuma membalas mudah. `Orang Malaysia pun boleh main bola.'

"Jadi, kalau kita boleh main cantik ketika lawan Brazil, saya percaya Malaysia mampu kembali bersaing di persada bola sepak antarabangsa sebagaimana kehebatan kita pada era tahun 60-an, 70-an dan 80-an," katanya yang mengharapkan skuad kebangsaan pimpinan Allan Harris bakal menyerlah di Busan kelak.